

17 JAN 1998

YURAN UMNO DICADANG DIBAYAR PADA MUSIM MESYUARAT CAWANGAN

TEMERLOH, 17 Jan (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik mencadangkan agar anggota parti menjelaskan yuran tahun 1998 pada musim mesyuarat cawangan-cawangan dari 12 Feb hingga 15 Mac ini.

Semasa ditemui pemberita selepas majlis berbuka puasa di sini malam tadi, beliau berkata ia hanya merupakan cadangan beliau dan akan dimulakan di Umno Bahagian Temerloh yang diketuainya.

Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata dengan cara itu ia akan dapat mempercepatkan pembayaran yuran oleh seramai 2.7 juta anggota parti dan memberi masa kepada Bahagian memproses pembayaran itu untuk dihantar kepada Ibu pejabat Umno.

Ini juga akan dapat memperkemaskan daripada segi pembayaran yuran di semua 16,000 cawangan Umno di seluruh negara, katanya.

Beliau juga berkata apabila yuran dibayar cepat, ia juga boleh memudahkan anggota parti untuk menawarkan diri bertanding di peringkat cawangan, bahagian dan pada perhimpunan agung parti.

Bagaimanapun katanya, sebagaimana yang dinasihatkan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, sekiranya boleh, jawatan Ketua Bahagian yang dipegang oleh anggota Majlis Tertinggi tidak dicabar pada mesyuarat perwakilan Bahagian dan anggota Majlis Tertinggi yang tidak memegang jawatan Ketua Bahagian pula tidak bertanding jawatan Ketua Bahagian. -- BERNAMA.

ZY RON